



Penjarakan sosial

Pakai pelitup muka

Amalkan
4P

Pencucian tangan dengan sabun

Perhatikan gejala COVID-19

PERCUMA



PENANG 2030

BULETIN MUTIARA

JUN 16 - 30, 2020



www.buletinmutiara.com



buletinmutiara | ChowKonYeow



chowkonyeow



@ChowKonYeow

Oleh : SUNARTI YUSOFF

Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

GEORGE TOWN – Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang serta pihak-pihak berkepentingan lain mesti mengatakan ‘TIDAK’ terhadap sebarang usaha untuk membuka semula konsesi pembalakan di Kedah.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato’ Ir. Jaseni Maidinsa menegaskan bahawa pembukaan semula konsesi pembalakan bakal menyaksikan lebih banyak aktiviti pembasmian hutan di Ulu Muda yang merupakan kawasan tадahan air utama bagi wilayah utara pada masa akan datang.

“Laporan baru-baru ini bahawa konsesi pembalakan kemungkinan bakal dibuka semula akan membawa kepada pembalakan di Ulu Muda yang merupakan kawasan tадahan air terpenting bagi Perlis, Kedah serta Pulau Pinang.

“Ketiga-tiga negeri ini sangat bergantung kepada air hujan yang ditadah di kawasan 160,000 hektar hutan hujan Ulu Muda, dan kira-kira 70 peratus air mentah Perlis serta 96 peratus air mentah Kedah datangnya dari Ulu Muda.

“Malah, di Pulau Pinang, PBAPP mengabstrak lebih 80 peratus air mentah yang diperlukan setiap hari dari Sungai Muda yang mana kawasan tадahan airnya adalah Ulu Muda.

“Justeru, Kerajaan Persekutuan, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Kerajaan Negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang, serta 4.2 juta rakyat di tiga negeri ini adalah diseru supaya mengatakan tidak kepada aktiviti pembalakan tersebut,” katanya dalam kenyataan di sini pada 29 Mei lalu.

Jaseni dalam pada itu turut menyatakan bahawa kesan yang tidak dapat dielakkan daripada pembalakan di Ulu Muda adalah krisis air di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

Tambah beliau, tanpa air mentah yang mencukupi dari Ulu Muda, perniagaan di ketiga-tiga negeri terbabit terpaksa ditutup selain menjadikan aktiviti penanaman padi.

“Paling penting adalah kehidupan harian 4.2 juta penduduk yang memerlukan bekalan air setiap hari tidak akan terjejas,” jelasnya.

Mengulas lanjut, Jaseni memberitahu bahawa dengan kekurangan hujan dan ketidaktentuan berikutan perubahan iklim, semua pihak perlu membantah pembasmian hutan yang akan menjadikan peranan Ulu Muda sebagai kawasan tадahan air terpenting di utara negara ini.

“Kapasiti empangan luar biasa rendah menggambarkan kesan perubahan iklim yang mungkin disebabkan jumlah hujan yang berkurangan daripada biasa di Ulu Muda bagi tempoh Jun 2019 hingga pertengahan April 2020.

HIDUPAN-hidupan liar yang terdapat di Hutan Simpan Ulu Muda.



Selamatkan Ulu Muda

“Harap maklum bahawa kapasiti di empangan tertentu meningkat baru-baru ini adalah disebabkan operasi pemberian awan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di Sungai Muda dan di tiga empangan iaitu Empangan Muda, Empangan Beris serta Empangan Pedu.

“Oleh itu, cadangan untuk membuka kembali konsesi pembalakan atau membenarkan syarikat pembalakan menuai ‘hasil hutan’ di Ulu Muda harus dihentikan,” ulasnya.



SELAMATKAN Ulu Muda (Rakaman gambar Buletin Mutiara di Hutan Simpan Ulu Muda pada Mac 2019).



MADU kelulut antara khazanah alam berharga yang terdapat di Hutan Simpan Ulu Muda.

Kuih raya buat barisan utama HPP

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB
Gambar : ALISSALA THIAN

DATUK KERAMAT - Menjelang Aidilfitri, Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Padang Kota menyerahkan sejumlah balang kuih raya dan bekalan sanitasi tangan kepada barisan utama Hospital Pulau Pinang (HPP) di sini.

Pengerusinya, Yeoh Phaik Suan memberitahu bahawa semua kuih raya tersebut adalah istimewa kerana dibekalkan sendiri melalui program inisiatif kelompok melibatkan wanita serta ibu tunggal terpilih di negeri ini demi menjana pendapatan tambahan.

"Selain sumbangan kepada barisan utama di sini (HPP) dan program bersama-sama Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) kelak, inisiatif pembuatan kuih raya ini turut membantu menjana pendapatan dalam kalangan ibu-ibu tunggal serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) setempat," jelasnya pada majlis sumbangan yang berlangsung di lobi HPP pada 21 Mei 2020.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow diiringi Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong



YEOH Phaik Suan (tujuh dari kanan) bersama-sama Ketua Menteri dan Dr. Teo Gim Sian (berselendang merah) memegang balang-balang kuih raya yang disampaikan kepada barisan utama HPP di sini baru-baru ini.

KUIH - kuih Raya yang dibalut khas.

Bee Leng dan Yeoh Phaik Suan yang menyempurnakan acara penyerahan sumbangan kuih raya tersebut kepada Pengarah HPP, Dr. Teo Gim Sian.

"Projek kuih raya merupakan satu lagi

inisiatif Kerajaan Negeri melalui JPWK.

"Melalui projek ini, seramai 49 wanita terlibat membuat kuih raya di rumah dan telah berjaya menjana pendapatan mereka sebanyak RM62,540.

"Selain tanda penghargaan kepada barisan utama yang melawan COVID-19, dengan purata pendapatan tiap-tiap seorang adalah kira-kira RM1,300 ini, dapatlah ia menampung perbelanjaan harian keluarga masing-masing

menjelang Aidilfitri," ujar Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjung pada majlis berkaitan.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Khas Negeri (JKKN) menyatakan bahawa sebanyak 3,912 balang kuih raya diedarkan kepada barisan hadapan masing-masing melibatkan 40 KADUN menjelang Aidilfitri.

PDRM, ATM terima sumbangan Aidilfitri

GEORGE TOWN – Pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Negeri Pulau Pinang menerima sumbangan Hari Raya Aidilfitri masing-masing berjumlah RM10,000 daripada Kerajaan Negeri.

Sumbangan disampaikan oleh Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman kepada Timbalan

Ketua Polis Kontinen Pulau Pinang, Deputi Komisioner Datuk Abdul Aziz Abdul Majid mewakili PDRM dan Panglima 6 Briged, Brigadier General Datuk Mohd. Halim Khalid mewakili ATM dekat Komtar di sini 22 Mei lalu.

Ahmad Zakiyuddin berkata, sumbangan tahunan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang

itu adalah sebagai menghargai komitmen pasukan keselamatan yang komited dalam menjaga keamanan negeri ini.

Turut hadir, Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan, Yeoh Soon Hin.

Dalam pada itu, Abdul Aziz dan Mohd. Halim merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang atas sumbangan wang tunai kepada warga PDRM dan ATM di negeri ini.



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (dua dari kanan) dan Yeoh Soon Hin (tengah) merakam gambar kenangan bersama-sama Abdul Aziz Abdul Majid (dua dari kiri) dan Mohd. Halim Khalid (kanan sekali) sejurus majlis penyampaian sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada dua pasukan keselamatan berkaitan di sini baru-baru ini.



Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Sebagai inisiatif khas terutamanya dalam memudahkan cara penggunaan aplikasi *Penang Contact Tracer* atau lebih dikenali sebagai PGCare, meja bantuan teknikal atau *hotline* telah dibentuk bagi menjawab sebarang pertanyaan berkaitan aplikasi berkenaan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa para pengguna PGCare kini boleh menghubungi meja bantuan melalui dua talian *hotline* yang disediakan iaitu, 04 - 295 1521 atau 04 - 295 1527.

“Meja bantuan ini dibentuk khusus untuk menjawab sebarang pertanyaan berhubung aplikasi PGCare dan juga memberikan bantuan teknikal yang diperlukan,” ujarnya ketika mengadakan lawatan ke pejabat meja bantuan PGCare di *Penang Digital Library 2* (PDL2) dekat Jalan Masjid Negeri di sini 23 Mei lalu.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato’ Abdul Razak Jaafar; Dato’ Ar. Yew Tung Seang (Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP); S. Bharati (Timbalan Pengurus Besar CMI) dan R.S.N. Rayer (Ahli Parlimen Jelutong) antara yang bersama-sama pada lawatan tersebut.

Aplikasi berkenaan adalah projek usahasama perkongsian awam swasta (PPP) di antara Kerajaan Negeri melalui CMI dengan *Madison Technologies*, malah ia turut disokong oleh syarikat telekomunikasi, Maxis Broadband Sdn. Bhd. (Maxis).

Kon Yeow ketika lawatan tersebut turut memanjangkan ucapan terima kasih kepada pihak-pihak berkaitan di atas usahasama menjayakan aplikasi berkenaan.

“Terima kasih kepada pihak *Madison Technologies* kerana mengembangkan aplikasi

Meja bantuan teknikal PGCare mudahcara penggunaan



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri ketika mengadakan lawatan ke pejabat meja bantuan PGCare dekat PDL2 di sini baru-baru ini.



R.S.N. Rayer mencuba alat pemeriksaan suhu badan ‘layan diri’ yang diletakkan di PDL2.

ini sebagai suatu usaha tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka yang mana kos keseluruhan adalah berjumlah RM89,282 dan ia ditanggung oleh mereka.

Serentak itu, kami (Kerajaan Negeri) juga ingin mengucapkan terima kasih

kepada pihak Maxis yang telah mendukung pelaksanaan PGCare dengan menyediakan perkhidmatan telekomunikasi ini,” ujarnya lanjut.

Dalam perkembangan berasingan, dua syarikat iaitu *Intel Corporation* dan

Xyreon Technologies Sdn. Bhd. masing-masing turut melaksanakan projek CSR dengan menyumbangkan alat pemeriksaan suhu badan ‘layan diri’ kepada *Penang Digital Library* (PDL) yang mana ia akan ditempatkan di PDL dan juga PDL2.

Ujian saringan pekerja asing, tiada kompromi

Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

GEORGE TOWN – Seramai 6,795 pekerja asing sektor pembinaan di seluruh Pulau Pinang selesai menjalani ujian saringan COVID-19 sehingga tarikh 21 Mei 2020.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa daripada keseluruhan sampel saringan kesihatan yang diambil membabitkan 79 peratus golongan berkaitan iaitu seramai 2,067 pekerja di bahagian pulau dan Seberang Perai (301 pekerja), keputusan adalah menunjukkan 100 peratus negatif.

“Di seluruh Pulau Pinang, kita mempunyai seramai 11,861 pekerja asing di tapak pembinaan dan 79 peratus atau 6,795 orang daripadanya telah selesai menjalani ujian saringan COVID-19 sebagaimana diwajibkan.

“Sebagaimana yang saya nyatakan, daripada 6,795 sampel yang diambil, 2,067 di bahagian pulau dan Seberang Perai (301) menunjukkan keputusan negatif... ini adalah berita baik. Diharapkan, keputusan memberangsangkan ini akan berterusan dalam mengkalkan Pulau Pinang sebagai negeri Hijau dalam negara,” ujarnya ketika mengadakan pemantauan dekat tapak ujian saringan COVID-19 kelolaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di sini 21 Mei lalu.

Hadir sama, Datuk Bandar MBPP, Dato’ Ar. Yew Tung Seang; Noorhanis Noordin (Pengarah Bangunan Majlis Bandaraya Seberang Perai, MBSP); wakil-wakil dari Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) dan pihak BP Clinical Lab Sdn. Bhd. (BP Lab) yang bertanggungjawab



JAGDEEP Singh Deo.

menjalankan ujian saringan berkenaan.

Mengulas lanjut, Jagdeep memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang tidak mengikut prosedur operasi standard (SOP).

“Status zon Hijau yang diberikan kepada Pulau Pinang pada 24 April lalu adalah berkat ketegasan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan SOP, dan ia perlu dikekalkan.

“Justeru, kita (rakyat Pulau Pinang) tidak boleh terlalu selesa dengan status ini kerana perperangan terhadap COVID-19 masih belum selesai sehingga vaksinya ditemui, malah semua pihak perlu bekerjasama untuk atasi pandemik ini.

“Kita akan terus lakukan operasi saringan bagi memastikan 100 peratus pekerja warga asing di sektor pembinaan menjalani ujian ditetapkan.

“Manakala, pekerja asing di sektor-sektor lain seperti perkilangan serta makanan dan minuman (F&B), saya difahamkan bahawa mereka telah mengambil inisiatif sendiri untuk melakukan saringan,” ulasnya.

Dalam pada itu, Tung Seang dan Noorhanis menyatakan komitmen di pentadbiran masing-masing untuk terus



PROSES saringan yang dijalankan di sini baru-baru ini.

melakukan yang terbaik dalam usaha mengekalkan negeri sebagai zon Hijau.

Noorhanis memberitahu bahawa MBSP akan terus menjalankan pemantauan di tapak pembinaan dari semasa ke semasa bagi memastikan semua pihak iaitu pemaju, perunding mahupun pihak kontraktor mengikuti semua SOP yang telah ditetapkan.

“Langkah ini adalah bagi memastikan tapak-tapak pembinaan bebas daripada jangkitan COVID-19, dan kita (MBSP) syukur apabila sebahagian besar keputusan yang telah keluar menunjukkan kesemuanya negatif,” ujarnya.

Dewan bankuet terbesar Seberang Perai dijangka siap Disember

Oleh : SUNARTI YUSOFF
Gambar : CHAN KOK KUAN

BAGAN JERMAL – Kerja-kerja bagi pembinaan dewan bankuet seluas 17,800 kaki persegi dekat Ampang Jajar, di sini dijangka siap pada Disember tahun ini.

Timbalan Pengurus Besar Kanan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Dato' Ir. Yeoh Lean Huat berkata bahawa kerja-kerja bagi projek berkenaan sepatutnya berakhir pada pertengahan tahun ini tetapi terpaksa ditangguhkan akibat beberapa masalah teknikal.

"Antara masalah teknikal yang kita hadapi adalah melibatkan pemasangan saluran sokongan tambahan di bangunan utama (dewan utama) dan melaksanakan beberapa kerja luaran termasuk penempatan semula utiliti Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang melibakan kabel bawah tanah, tiang konkrit serta lain-lain."

"Selain itu, ia turut melibatkan kerja-kerja menaik taraf jalan daripada dua lorong kepada empat lorong dekat Jalan Permatang Pauh Lama berhampiran tapak pembinaan."

"Malah, tidak dinafikan bahawa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) juga merupakan faktor utama yang menyumbang kepada penangguhan projek."

"Setakat ini, projek berkaitan sudah siap 78 peratus dan oleh kerana kita sudah dapat beroperasi dengan kekuatan tenaga kerja penuh sekarang, kita akan melakukan yang terbaik untuk memastikan projek ini siap dalam tempoh ditetapkan," katanya semasa memberikan taklimat kepada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada sesi lawatan beliau ke tapak projek berkenaan pada 23 Mei lalu.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal merangkap Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; Datuk



KETUA Menteri dan Soon Lip Chee (kanan sekali) mendengar taklimat yang disampaikan Rosli Jaafar (kiri sekali) berkaitan pembinaan dewan bankuet terbesar di Seberang Perai semasa lawatan beliau ke tapak projek berkenaan di sini baru-baru ini.

Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud; mantan pengurus besar PDC, Dato' Rosli Jaafar; Ahli Majlis bagi MBSP, Khong Chee Seong; Pengarah Urusan Kumpulan Lumson Bina Engineering Sdn. Bhd., Ung Kok Hin serta Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Lumson Bina Engineering Sdn. Bhd., Bhaskaran Arunasalam.

Difahamkan, dewan serba guna terbesar di Seberang Perai tersebut bakal dilengkapi dengan dewan bankuet dua tingkat bernilai RM42.6 juta dengan kemudahan pendingin hawa yang dibiayai sepenuhnya oleh PDC.

Setelah siap, dewan berkaitan akan dilengkapi dengan beberapa tempat penginapan serta kemudahan seperti tiga bilik tarian yang boleh memuatkan sejumlah 360 meja, sebuah pentas dan empat bilik bagi pelbagai majlis, dua dapur yang dibina secara

berasingan, 600 tempat letak kereta serta 400 lot parkir motosikal dan banyak lagi.

Dalam pada itu, Kon Yeow berharap agar PDC dan pihak kontraktor utama dapat bekerja keras untuk memastikan projek berkenaan siap tepat pada waktunya.

"Diharapkan, apabila semua masalah teknikal berjaya diselesaikan, projek ini dapat disiapkan dalam jangka masa yang telah ditetapkan."

"Ini penting kerana dewan bankuet baru berkenaan bakal memainkan peranan untuk merangsang ekonomi dan aktiviti pelancongan di Seberang Perai serta kawasan sekitarnya."

"Selain mengadakan majlis

perkahwinan, dewan ini juga dapat digunakan untuk mesyuarat, persidangan dan pameran."

"Oleh itu, projek ini akan memberi manfaat besar kepada masyarakat Seberang Perai melalui kemudahan penginapan dan infrastruktur yang disediakan," jelasnya.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa Kerajaan Negeri akan terus memantau semua projek infrastruktur yang sedang dilaksanakan di negeri ini.

"Kami memahami bahawa sepanjang PKP, banyak projek infrastruktur di negeri ini terpaksa ditangguhkan."

"Oleh itu, saya menggesa semua pemimpin agensi Kerajaan Negeri memainkan peranan masing-masing bagi mempercepatkan kerja-kerja pembinaan terutamanya yang melibatkan projek-projek penting seperti kerja-kerja menaik taraf jalan, projek tebatan banjir serta projek lain yang dianggap penting kepada orang ramai."

"Ini kerana, sebarang kelewatan untuk menyiapkan projek tersebut akan memberi kesan negatif kepada masyarakat," ulasnya.

Hari Keselamatan Makanan Sedunia
7 Jun
Keselamatan makanan,
Tanggungjawab
setiap individu.
WORLDFOODSAFETYDAY

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

PERTUBUHAN Kesihatan Sedunia (WHO) telah menetapkan 7 Jun setiap tahun sebagai Hari Keselamatan Makanan Sedunia atau World Food Safety Day (WFSDF).

Sambutan yang memasuki tahun kedua tahun ini bertujuan untuk menarik perhatian umum terhadap pencegahan, pengesanan dan pengurusan risiko jangkitan bawaan makanan.

Sambutan WFSDF juga mempunyai matlamat yang mampu menyumbang kepada kecukupan makanan, kesihatan manusia, kemakmuran ekonomi, kesuburan sektor pertanian, akses pasaran, pelancongan dan pembangunan yang lestari.

Tahukah anda mengapa buah epal dipilih sebagai logo sambutan?

Buah epal dipilih oleh Suruhanjaya Standard Makanan Antarabangsa (CAC) di bawah WHO dan Petubuhan Pertanian dan Makanan (FAO) kerana ia merupakan komoditi perdagangan dan juga baik untuk kesihatan tubuh kita.

Tema sambutan tahun ini, "Keselamatan Makanan, Tanggungjawab Semua", mengharapkan setiap peringkat rangkaian memainkan peranan masing-masing bagi memastikan makanan yang dimakan adalah selamat dan tidak memudaratkan kesihatan.

Melalui sambutan WFSDF, WHO telah meneruskan usahanya untuk mengutamakan keselamatan makanan dalam agenda umum dan seterusnya mengurangkan beban penyakit bawaan makanan di seluruh dunia.

Pasca PKP: Kerajaan Negeri lulus RM2.35 juta kepada JKR Pulau Pinang

SUNGAI PINANG – Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM2,350,000 kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang bagi pelaksanaan 51 kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Negeri di Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa sebanyak 51 kerja undi penyelenggaraan jalan bakal dilaksanakan dengan anggaran kos bagi setiap projek yang diluluskan adalah tidak melebihi RM50,000.

Menurut beliau, selain penyelenggaraan jalan, terdapat juga dua kerja penyelenggaraan elektrik yang bakal dijalankan serentak menjadikan jumlah keseluruhan adalah 53 kerja.

"Projek ini adalah sebahagian daripada inisiatif Kerajaan Negeri untuk merancakkan ekonomi di Pulau Pinang terutamanya dalam sektor pembinaan pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan wabak pandemik COVID-19."

"Justeru, kita (Kerajaan Negeri) berharap menerusi peruntukan ini, kualiti penyelenggaraan jalan di Pulau Pinang akan dapat terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa," ujarnya sambil berharap agar pihak kontraktor yang berjaya dilantik dapat merealisasikan hasrat tersebut di sini pada 19 Mei lalu.

Kon Yeow berkata demikian pada program Cabutan Kerja Undi JKR Pulau Pinang Tahun 2020 yang dilakukan secara penstriman langsung menerusi akaun rasmi Facebook JKR Pulau Pinang, sekaligus menjadikan jabatan tersebut sebagai

agensi pertama merintis cabutan kerja undi atas talian di negeri ini pada fasa PKP kini.

Turut serta, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari; Dato' Sarul Bahiyah Abu (Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang); Dato' Azhar Arshad (Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan); Ir. Roslan Ismail (Pengarah JKR Negeri Pulau Pinang) dan Datuk Seri Mohamed Fadzill Hassan (Pengerusi Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia).

Difahamkan bahawa semua 53 projek tersebut adalah melibatkan kerja-kerja penyelenggaraan di kelima-lima daerah dan satu cawangan kejuruteraan elektrik.

Tambah Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi, cabutan undi adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Sistem ePerolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SysP).

"Mereka (kontraktor) mestilah memenuhi syarat-syarat pengkhususan kategori bidang yang telah ditetapkan oleh CIDB."

"Proses pendaftaran kontraktor yang ingin menyertai proses undi telah dilaksanakan secara atas talian melalui sistem SysP, yang mana mereka hanya perlu melengkapkan borang serta memuat naik dokumen-dokumen diperlukan secara online tanpa perlu hadir ke pejabat JKR," jelasnya.

Bantuan RM500, pemandu jip Bukit Bendera syukur

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

Gambar : **ALVIE CHENG**

RATA-RATA pemandu jip pelancongan Bukit Bendera menyambut baik pemberian bantuan khas kewangan RM500 oleh Kerajaan Negeri melalui Paket Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.0 yang diumumkan baru-baru ini.

Mereka berpendapat bahawa pemberian insentif tersebut membuktikan keprihatinan Kerajaan Negeri dalam menjaga kebajikan rakyat di negeri ini yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19 termasuk sektor pelancongan.

MOHD. FITRI GHAZALI, 33, berkata bahawa beliau terpaksa menukar bidang pekerjaan setelah semua perkhidmatan berkaitan sektor pelancongan dihenti seketika ekoran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac lalu.

"Oleh itu, perkhidmatan yang kami sediakan kini juga terpaksa dihentikan kerana ia berkait rapat dengan industri pelancongan yang mana 80 peratus pengguna merupakan pelancong antarabangsa terutamanya dari China dan negara-negara Timur Tengah.

"Sekarang saya terpaksa melakukan perkhidmatan penghantaran makanan memandangkan dalam keluarga hanya saya

yang bekerja untuk menyara anak-anak.

"Justeru, insentif ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban keluarga berdepan permasalahan ini," ujarnya yang sudah berkecimpung dalam pekerjaan terbabit sejak 14 tahun lalu kepada Buletin Mutiara ketika ditemui baru-baru ini.

Seorang lagi pemandu, **P. RAMESH** memberitahu bahawa insentif yang diberikan tersebut menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri amat memahami keperluan rakyat dalam tempoh sukar ini.

Tambah beliau, tugas pemandu jip Bukit Bendera tidak hanya terhad kepada memberikan perkhidmatan kepada pelancong semata-mata bahkan turut membantu ketika keretapi funikular mengalami masalah teknikal.

"Selain kerja-kerja menghantar pelancong kami juga membantu proses kerja-kerja menyelamat seperti ketika kerosakan funikular, pendaki sesat, tanah runtuh serta bencana alam yang lain.

"Oleh itu, saya berharap agar Kerajaan Negeri mungkin boleh mempertimbangkan cadangan untuk membenarkan operasi semula setidak-tidaknya kepada pelancong tempatan memandangkan kita sudah jadi negeri 'Hijau'.

"Kami amat menaruh kepercayaan



(Dari kanan), MOHD. Fitri Ghazali, P. Ramesh dan Beh Lim Ta ketika ditemui ramah Buletin Mutiara baru-baru ini.

kepada Kerajaan Negeri untuk sama-sama memulihkan semula sektor pelancongan yang menerima kesan teruk akibat pandemik ini.

"Paling penting adalah kita perlu tingkatkan keyakinan pelancong khususnya dari dalam negara," jelas pemandu yang berpengalaman selama 15 tahun itu.

Dalam pada itu, **BEH LIM TA**, 43, memberitahu bahawa bantuan yang diterima sememangnya memberi sedikit kelegaan kepada golongan terkesan seperti mereka.

"Pertama sekali memang hendak ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang memberikan bantuan ini kepada kami.

"Saya turut menyokong sekiranya promosi dapat dilakukan kepada pelancong tempatan sebagai tarikan ke Bukit Bendera.

"Kalau situasi ini berterusan, berkemungkinan saya terpaksa cari pendapatan sampingan untuk menyara hidup," jelas pemandu yang berpengalaman selama dua tahun berkaitan.

Pada 6 Mei lalu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengumumkan Paket Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.0 berjumlah RM76 juta bagi membantu golongan terkesan akibat pandemik COVID-19 yang memberi kesan kepada beberapa sektor terpenting.

HAKMILIK KEKAL

RESIDENSI PERMAI RUMAH TERES 2 TINGKAT

JASNIA SDN BHD (677895-K)

12-01, Penthouse, Wisma Pantai, Jalan Wisma Pantai,
Kampung Gajah, 12200 Butterworth.
Tel : 04-324 0088 Fax : 04-324 0090
Email: tilb@tambunindah.com

5% Diskaun Untuk Bumiputera



	JENIS A	JENIS B	JENIS C
Keluasan Petak Tanah:	119 mp (min) - 177 mp (max)	123 mp (min) - 123 mp (max)	134 mp (min) - 213 mp (max)
Keluasan Binaan:	205 mp (min) - 222 mp (max)	212 mp (min) - 212 mp (max)	220 mp (min) - 251 mp (max)
Harga Jualan:	RM768,000 (min) - RM879,000 (max)	RM790,000 (min) - RM812,000 (max)	RM813,000 (min) - RM944,000 (max)
Bilangan Unit:	51 Unit	14 Unit	27 Unit

No. Lesen Pemaju: 10558-3/07-2021/0638(L)

No. Permit Iklan & Jualan : 10558-3/07-2021/0638(P)

Nama Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan : MPSP

No. Rujukan Pelan Bangunan : MPSP/40/20-44/140

Tarikh Pemajuan Dijangka Siap : DIS 2022

Jenis Pegangan Tanah : Hakmilik Kekal

Bebanan Tanah : MBB

Sekatan Kepentingan : Tiada

Tempoh Sah : 16/07/2019 - 15/07/2021

Tempoh Sah : 16/07/2019 - 15/07/2021

Bilangan Unit:

Rumah Teres 2 Tingkat (Jenis A) - 51 unit

Rumah Teres 2 Tingkat (Jenis B) - 14 unit

Rumah Teres 2 Tingkat (Jenis C) - 27 unit

Syor Pelan Ekonomi Pasca COVID-19 Pusat perlu tumpu tingkat sektor permintaan domestik

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB

PERAI - Paket Rangsangan Ekonomi Prihatin 2020 Pasca COVID-19 seharusnya memberi tumpuan kepada sektor permintaan domestik, dengan meluluskan perbelanjaan fiskal pada skala yang lebih besar lagi, jika mahu teras ekonomi rakyat secara keseluruhannya segera pulih.

Mengulas lanjut, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy memberitahu bahawa pelbagai bentuk insentif bantuan kewangan yang diumumkan dalam Paket Rangsangan Ekonomi 2020 sebelum ini hanya untuk membantu golongan yang terjejas ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sahaja.

Lagipun, menurut Ramasamy, sektor perniagaan dijangka lambat untuk pulih kembali disebabkan permintaan domestik yang begitu rendah, walaupun kerajaan telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan seperti skim pinjaman mudah, langkah moratorium dan sebagainya.

Justeru, tambah beliau, pasca COVID-19 Kerajaan Persekutuan perlu memperbanyak lagi projek infrastruktur awam demi memastikan kitaran wang dalam ekonomi secara lebih sihat, mencipta lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti, sekaligus meningkatkan sektor permintaan domestik secara keseluruhannya.

“Walaupun ada moratorium bank, pelbagai skim pinjaman mudah serta pinjaman mikro kredit yang

membantu sektor perniagaan untuk pulih kembali, tetapi dalam keadaan permintaan domestik yang begitu rendah, orang tidak banyak pegang duit, bagaimana peniaga boleh menjual barang dan perkhidmatan mereka secara berlipat-kali ganda pasca COVID-19 ini.

“Jadi, Kerajaan (Persekutuan) perlu perbanyak lagi projek infrastruktur awam untuk mencipta lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti dalam ekonomi.

“Apabila lebih ramai orang memegang duit dalam ekonomi, barulah sektor permintaan domestik akan meningkat, kuasa membeli rakyat yang turut meningkat akan mendorong kepada peningkatan permintaan sektor perniagaan dalam negara secara tidak langsung,” jelasnya selepas menyampaikan hamper raya dan baucar khas kepada penerima terpilih peringkat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Perai dekat Dewan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Taman Supreme di sini pada 22 Mei 2020.

Hadir sama, dua Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), P. David Marshall dan Jason Raj serta Pengurus MPKK Taman Supreme, K. Param.

Mengulas lanjut, Ramasamy menyatakan bahawa Kerajaan Pusat perlu meneruskan pelan rangsangan ekonomi dengan belanja yang lebih besar tertumpu kepada peningkatan sektor permintaan domestik.

“Saya jangka Paket (Rangsangan Ekonomi Prihatin 2020 Pasca COVID-19) ini akan diumumkan selepas 9 Jun ini.

“Kemudian, berdasarkan paket rangsangan tersebut,

Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang akan mengolahnya untuk membuat Paket Bantuan Kewangan Pulau Pinang 2.0,” ulasnya.

Sebelum itu, David menyatakan bahawa program agihan hamper raya serta baucar khas secara berperingkat kepada 348 umat Islam terpilih berkaitan adalah inisiatif Pejabat Pusat Khidmat KADUN Perai, yang diwakili Ramasamy.

Beliau berkata bahawa program tersebut diharap dapat memberi kegembiraan kepada para penerima pada Hari Raya Aidilfitri.

“Pada tahun ini, tidak akan diadakan Rumah Terbuka Aidilfitri kerana kita masih dalam tempoh PKPB (Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat) demi memastikan kerja-kerja memutuskan semua rantaian perebakan COVID-19 berjaya secepat mungkin.

“Justeru, dengan peruntukan berwajib itu, kita ‘gantikan’ dengan memberi hamper raya secara berperingkat, maksimum 20 penerima pada satu-satu masa mengikut SOP (prosedur operasi standard) yang digariskan.

“Pada masa sama, para penerima boleh menggunakan baucar khas raya untuk membeli-belah di Pacific (dekat Megamall Pinang, Perai),” ulasnya.

Difahamkan, program agihan hamper raya dan baucar khas tersebut disampaikan secara berperingkat sejak 21 hingga 23 Mei lalu di kawasan komuniti Taman Chai Leng, Taman Supreme, Flat Teluk Indah, Pangsapuri KTM, Kampung Manggis dan Taman Inderawasih.



PANGSAPURI PERKHIDMATAN PALMA SERVIS APARTMENT 18 TINGKAT (335 UNIT)

HAKMILIK KEKAL

Keluasan Binaan Bilangan Unit	Jenis A	Jenis B	Jenis C
77mp (min) - 77mp (max) 72	100mp (min) - 100mp (max) 192	114mp (min) - 114mp (max) 48	
Keluasan Binaan Bilangan Unit	Jenis AI	Jenis BI	Jenis CI
77mp (min) - 77mp (max) 6	100mp (min) - 100mp (max) 13	114mp (min) - 114mp (max) 4	

PALMINGTON SDN BHD (892241-W)

12-01, Penthouse, Wisma Pantai, Jalan Wisma Pantai,
Kampung Gajah, 12200 Butterworth.
Tel : 04-324 0088 Fax : 04-324 0090
Email: tilb@tambunindah.com

5% Diskaun Untuk Bumiputera

No. Lesen Pemaju : 11882-11/11-2020/01032(L)
No. Permit Iklan & Jualan : 11882-11/11-2020/01032(P)
Nama Pihak Berkua yang Meluluskan Pelan Bangunan: MPSP
No. Rujukan Pelan Bangunan: MPSP/40/20-75/64
Tarikh Pemajuan Perumahan Dijangka Siap: Sep 2022
Bilangan Unit : 335 Unit
Harga Jualan: RM419,000(min) - RM567,000(max)

Tempoh Sah : 28/11/2018 - 27/11/2020
Tempoh Sah : 28/11/2018 - 27/11/2020

Jenis Pegangan Tanah: Hakmilik Kekal
Bebanan Tanah: Tiada
Sekatan Kepentingan: Tiada

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

Promosi pelancongan antara ‘negeri hijau’, fokus pasaran domestik

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
 Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

GEORGE TOWN – Pulau Pinang bakal memberi fokus untuk mempromosikan pelancongan domestik sebaik sahaja negara bersedia membuka pintu dan menerima pelancong pasca COVID-19.

Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan Pulau Pinang, Yeoh Soon Hin berkata bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang giat mengatur strategi dan perancangan bagi mempromosikan pelancongan antara negeri.

“Semasa menyertai perbincangan meja bulat secara maya dengan para pengusaha serta pemain industri pelancongan negeri pada 15 Mei lalu, idea untuk mengorelasikan aspek ‘zon hijau’ dibangkitkan.

“Kami bercadang untuk mewujudkan ‘koridor negeri hijau’ bagi mempromosikan pelancongan antara negeri,” ujarnya ketika ditemui sejurus mengadakan kunjungan ke Bukit Bendera dan *The Habitat* di sini 16 Mei lalu.

Menurut Soon Hin, sebagai permulaan, pihaknya bercadang untuk mempergiatkan promosi dalam kalangan rakyat Pulau Pinang dahulu apabila sektor pelancongan dibenarkan beroperasi kelak.

“Kami menjangkakan sektor pelancongan Pulau Pinang dapat membuka ‘pintu’ pada akhir suku ketiga tahun ini, itupun sekiranya bilangan kes COVID-19 menjadi landai dalam beberapa bulan ini.

“Saya yakin dengan sokongan para pemegang taruh (*stakeholders*) dan pemain industri, Pulau Pinang mampu kembali pulih daripada impak krisis kesihatan paling mencabar ini,” katanya.

Bercakap mengenai Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang, Soon Hin memaklumkan bahawa ia hampir siap dan terpaksa mengambil masa untuk disiapkan

sepenuh ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini.

“Terdapat beberapa perubahan dan keperluan perlu dipatuhi oleh para pelancong yang mana kita perlu menggariskan panduan bersesuaian dengan normal baru kini.

“Saya harap pelan ini dapat disiapkan dalam tempoh beberapa bulan ini,” jelaskan yang turut mengadakan perbincangan sama dengan para pengusaha hotel sebagai langkah awal pemulihan sektor pelancongan di negeri ini.

Dalam pada itu, Pengarah Urusan *The Habitat*, Allen Tan ketika ditemui memberitahu bahawa seramai 15 individu pelbagai latar belakang dalam pelancongan menyertai persidangan meja bulat secara maya bertarikh 15 Mei lalu.

“Persidangan dipengerusikan oleh YB Yeoh (Soon Hin) bersama-sama pemain industri termasuk jawatankuasa ATAP (*Association of Tourism Attractions Penang*).

“Ahli-ahli persidangan turut melontarkan idea untuk menerapkan konsep ‘*Trans-Tasman Bubble*’ antara negara Australia dan New Zealand dalam usaha mempromosikan destinasi pelancongan selamat.

“(Dan) dalam konteks Pulau Pinang, konsep ini mungkin mempunyai ruang yang terhad dalam kalangan negeri-negeri yang diisyiharkan zon hijau,” katanya.

Menjawab soalan mengenai kawalan kemasukan pelancong, Allen menyatakan bahawa penggunaan teknologi pengesanan adalah penyelesaiannya.

“Walau bagaimanapun, masih banyak yang perlu dilakukan termasuk memperincikan penggunaan teknologi bersesuaian bagi mengawal sekaligus memastikan hanya pelancong yang sihat masuk ke sini (Pulau Pinang),” ulasnya.

Terdahulu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow meluangkan masa



KETUA MENTERI merakam gambar kenangan bersama-sama Yeoh Soon Hin (dua dari kanan), Wong Hon Wai (tiga dari kiri), Allen Tan (dua dari kiri) dan Cheok Lay Leng (kanan sekali) bersempena lawatannya ke *The Habitat* di sini baru-baru ini.

mengunjungi Bukit Bendera dan *The Habitat* bagi melihat sendiri prosedur operasi standard (SOP) yang diterapkan di kedua-dua pusat tumpuan pelancong itu.

Mengulas mengenai kunjungan tersebut, beliau berpuas hati dengan SOP yang digunakan oleh pihak pengurusan Bukit Bendera dan *The Habitat* dengan mengadaptasikan pengoperasian normal baru.

“Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih menunggu keputusan daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk membuka semua sektor pelancongan ini.

“Saya percaya, pihak MKN akan mengeluarkan garis panduan bersesuaian sebelum membenarkan sektor ini beroperasi semula.

“(Dan) pastinya, kita berharap pihak MKN dapat melihat semula situasi semasa dengan membenarkan beberapa aktiviti pelancongan dibuka semula.

“Tambah pula, kita di Pulau Pinang telah melihat keberkesanan Strategi Pemulihan

Berperingkat sebelum ini dan berharap pendekatan sama dapat diguna pakai dalam sektor ini,” ujarnya yang turut menerima taklimat daripada pemilik *David Brown’s Restaurant and Tea Terraces* berhubung pematuhan SOP di restoran terbabit.

Bagi Pengurus Besar Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang, Dato’ Cheok Lay Leng, pihaknya bersedia untuk menghadapi normal baru.

“Pihak kami akan memastikan SOP yang ketat dipatuhi sepenuhnya oleh semua pengunjung termasuk saringan suhu badan dan penjarakan sosial.

“Ia juga akan merangkumi semua perniagaan yang beroperasi di Bukit Bendera ini,” katanya.

Lay Leng dan Allen antara yang turut serta dalam kunjungan tersebut bersama-sama Soon Hin, Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato’ Ar. Yew Tung Seang serta Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai.

Lima keluarga ceria terima kunci rumah baharu

PENAGA – Lima keluarga di Kampung Permatang Rawa Tepi Laut ceria apabila menerima kunci rumah baharu sumbangan Zakat Pulau Pinang (ZPP).

Penyerahan kunci rumah tersebut disempurnakan oleh Timbalan Ketua Menteri I merangkap Pengurus ZPP, Dato’ Ir. Ahmad Zakiyyuddin Abdul Rahman di sini 18 Mei lalu.

Bercakap kepada pemberita, Ahmad Zakiyyuddin berharap agar sumbangan rumah baharu berkeluasan 800 kaki persegi itu mampu memberikan keselesaan dan keceriaan kepada keluarga terbabit dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Beliau kemudian meninjau keadaan rumah baharu yang diterima oleh salah seorang asnaf dekat Kampung Permatang Rawa Tepi Laut selepas menyempurnakan majlis penyerahan kunci berkenaan.

“Rumah baharu ini adalah salah satu daripada program sumbangan ZPP dalam pengagihan wang zakat kepada asnaf, dan kita bercadang untuk membina 40 rumah setahun bagi diserahkan kepada penerima-penerima berkelayakan.

“Banyak permohonan kita (ZPP) terima setiap tahun, tetapi kita (ZPP) akan proses mengikut kelayakan masing-masing dan



OMAR Mat (kanan sekali) dan **Syawai Dahaman (dua dari kanan)** bersama-sama tiga penerima lain menunjukkan replika kunci yang diterima sambil merakam gambar kenangan dengan **Ir. Ahmad Zakiyyuddin Abdul Rahman (tiga dari kanan)** sejurus majlis penyerahan kunci rumah baharu sumbangan ZPP di sini baru-baru ini.

paling penting adalah perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan khususnya daripada segi aspek pemilikan tanah.

“Kita percaya program-program seperti ini memenuhi kehendak pembayar-pembayar zakat apabila melihat bahawa sumbangan zakat mereka sampai kepada penerima yang layak.

“Justeru, adalah diharapkan sumbangan ini dapat memberikan kehidupan yang selesa kepada asnaf serta keluarga masing-

masing,” jelaskan yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) pada majlis berkaitan.

Turut serta, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Amran Hazali dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) ZPP, Mohd. Kairi Ghazali.

Difahamkan, harga bagi sebuah rumah tersebut adalah bernilai RM57,515.86 yang dilengkapi dengan tiga bilik tidur serta dua bilik air selain menggunakan reka

bentuk baharu yang lebih kemas dan selesa berbanding sebelum ini.

Dalam pada itu, salah seorang penerima, **SYAWAI DAHAMAN**, 61, ketika ditemui menzahirkan rasa syukur dan gembira atas pemberian sumbangan yang disifatkannya sebagai sangat bermakna lebih-lebih lagi bagi sambutan Syawal tahun ini.

Katanya, beliau bersama isteri serta dua anak dan seorang cucu sebelum ini tinggal di rumah pusaka yang sudah usang sejak lebih 50 tahun lalu dekat Kampung Permatang Janggu di sini.

“Syukur alhamdulillah atas bantuan bina rumah baru oleh Kerajaan Negeri dan ZPP. Saya berasa amat gembira kerana tahun ini merupakan kali pertama kami menyambut hari raya di rumah sendiri,” ujarnya yang merupakan seorang pesara.

Seorang lagi penerima, **OMAR MAT**, 70, mengucapkan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat dalam pemberian sumbangan rumah baharu berkenaan.

“Saya berbesar hati kerana menerima bantuan rumah yang sangat selesa ini kerana rumah saya yang dulu bumbung sudah bocor selain dibina di atas tanah milik orang lain,” ulasnya yang sebelum ini tinggal di Bakau Tua di sini sejak lebih 50 tahun lalu.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

SUNGAI DUA – Seramai 5,814 nelayan pesisir pantai yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menerima bantuan khas sebanyak RM400 yang diberikan secara *one-off* oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Bantuan khas tersebut adalah salah satu daripada 20 insentif di bawah Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.0 berjumlah RM76 juta yang diumumkan baru-baru ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin berkata bahawa penerima sumbangan termasuk 681 nelayan yang tidak berlesen.

“Nelayan tanpa lesen yang layak menerima bantuan ini telah disahkan oleh Pengarah Perikanan (Negeri Pulau Pinang) dan Ketua Unit Persatuan Nelayan Kawasan di pengkalan masing-masing.

“Kita bagi bantuan ini kepada nelayan tanpa lesen adalah kerana lesen untuk nelayan telah dibekukan sejak tahun 1985. Walau bagaimanapun, kita sudah mengemukakan permohonan kepada menteri berkaitan untuk meluluskan lesen kepada nelayan tanpa lesen ini dengan tidak melibatkan implikasi kewangan Kerajaan Persekutuan.

SALAH seorang penerima menerima sumbangan pada Program Pemberian Bantuan Khas Secara Tunai RM400 *One-Off* kepada Nelayan Pesisir Pantai di sini baru-baru ini.



DR. Norlela Ariffin.



Nelayan pesisir pantai terima Pakej Bantuan Rakyat RM400

“Ini kerja kita (Kerajaan Negeri) mahu modenkan industri perikanan di negeri ini dengan penglibatan lebih ramai golongan muda sebagai nelayan,” katanya kepada Buletin Mutiara pada Program Pemberian Bantuan Khas Secara Tunai RM400 *One-Off* kepada Nelayan Pesisir Pantai dekat Dewan Besar Sungai Dua di sini 21 Mei lalu.

Mengulas lanjut, Norlela yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti menyatakan bahawa adalah menjadinya hasrat beliau supaya agihan bantuan khas tersebut diselesaikan sebelum sambutan Hari Raya Aidilfitri.

“Bagi nelayan yang berlesen dan mempunyai akaun bank, Kerajaan Negeri

telah menyalurkan bantuan ini melalui Lembaga Kemajuan Ikan Nelayan (LKIM) pada 20 Mei 2020 untuk diagihkan kepada nelayan-nelayan yang terlibat.

“Bagi nelayan yang tidak mempunyai akaun bank dan nelayan yang tidak berlesen, mereka menerima wang tunai pada majlis yang diadakan khas berkenaan.

APA KATA PENERIMA:



MOHAMMAD Baharom.

kerana hasil laut semakin berkurang selain pemasaran menjadi agak terhad,” ujarnya yang merupakan bapa kepada lima anak yang masih bersekolah.



NOR Azmi Md. Sapar.

Dalam pada itu, salah seorang penerima bantuan berkenaan, **MOHAMMAD BAHAROM**, 55, dari Kuala Juru berkata, bantuan yang diterima tersebut akan digunakan untuk membeli keperluan sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri.

“Terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang di atas pemberian bantuan ini yang sedikit-sebanyak dapat mengurangkan beban saya sekeluarga untuk melakukan persiapan hari raya.

“Pendapatan kami sebagai nelayan memang terjejas dalam tempoh PKP ini

yang sangat terjejas akibat PKP.

“Sebelum ini, hasil tangkapan kami akan dijual di Pasar Bisik (Penaga), tetapi memandangkan tempoh PKP memerlukan kehadiran pelanggan yang terhad selain perlu mengamalkan jarak sosial telah menjadikan jualan kami berbanding waktu-waktu biasa,” ulasnya.



MOHD. Zaidi Awang Mat Isa.

Bagi **MOHD. ZAIDI AWANG MAT ISA**, 35, dari Persatuan Nelayan Penaga menyatakan bahawa walaupun pengeluaran hasil tangkapan tidak terlalu berkurangan tetapi pendapatan mereka terjejas akibat pemasaran yang terhad dalam tempoh PKP.

“Sebelum tempoh PKP, hasil tangkapan kami yang tidak terjual di pasar nelayan dekat Penaga akan dihantar ke pasaran di kawasan-kawasan lain, tetapi kini pergerakan kami agak terhad dan keadaan

ini telah menjadikan pendapatan kami.

“Oleh itu, terima kasih diucapkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang bermurah hati memberikan bantuan wang tunai ini yang mana sedikit sebanyak boleh mengurangkan beban kami buat masa ini,” katanya.



CHEW Yam Kiang.

Seorang lagi penerima, **CHEW YAM KIANG**, 65, dari Juru berkata bahawa bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri sangat membantu para nelayan yang terjejas dalam tempoh PKP.

“Hasil tangkapan pada masa ini sangat kurang berbanding waktu biasa. Jualan jugaerosot kerana kami hanya bergantung kepada pelanggan yang datang sendiri di Jeti Kuala Juru,” ujarnya yang menjadi nelayan sejak 30 tahun lalu.

COVID-19: Nelayan lega terima bantuan Kerajaan Negeri menjelang Syawal

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB

Gambar : ALISSALA THIAN

DIFAHAMKAN, acara pemberian Bantuan Kewangan Khas Nelayan Pesisiran Pantai Peringkat Bahagian Pulau di sini melibatkan 676 nelayan berlesen.

Seramai 291 nelayan berlesen lain turut menerima sumbangan bantuan sama dalam acara berasingan bagi peringkat Seberang Perai di Dewan Serba Guna Sungai Dua, dekat Kawasan Parlimen Tasek Gelugor.

Dalam pada itu, Penolong Setiausaha Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri (BPEN), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Mohd. Hafiz Zamri memberitahu bahawa pemberian sumbangan bantuan kepada nelayan di bahagian pulau dan Seberang Perai pesisiran pantai berkaitan adalah mengikut saringan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Malah, semua penerima sumbangan bantuan kewangan khas yang diumumkan pada majlis berkaitan adalah tidak termasuk mereka yang menerima bantuan melalui hantaran bank, secara langsung.

Pada majlis berkaitan, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz dengan diiringi Penghulu Mukim 9

Teluk Kumbar, Talib Zakaria dan Timbalan Pengarah Projek bagi Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP), Azmi Mohamad turut memantau perjalanan acara penyampaian bantuan khas tersebut mengikut tatacara operasi standard (SOP) PKPB ditetapkan.

“Walaupun Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 1.0 sebelum ini tidak ada skim bantuan kewangan khusus kepada nelayan, tetapi Alhamdulillah dalam Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.0 yang diumumkan baru-baru ini ada RM400 Bantuan Kewangan Khas untuk mereka (nelayan pesisiran pantai) di negeri ini.

“Pada kesempatan ini, ingin saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana begitu prihatin pada semua golongan rakyat yang terjejas sepanjang tempoh PKP ini.

“Bukan sahaja nelayan yang ada lesen dapat bantuan RM400 secara ‘one-off’, bahkan mereka yang dikenal pasti layak mengikut syarat LKIM turut menerima bantuan ini, bagi saya (pentadbiran) Y.A.B. Ketua Menteri begitu prihatin terhadap hampir semua golongan yang terkesan akibat PKP,” ulasnya.



AHMAD KHUZAIMI ROSSI

“Kesannya, hasil tangkapan nelayan (pesisiran) akan terjejas begitu teruk kerana segala hasil laut tidak kira anak ikan atau sebagainya akan disauk oleh pukat tunda ini, (sekaligus) menjelaskan perkembangan habitat laut.

“Tapi, menjelang Syawal ini, saya boleh menarik nafas lega setelah mendapat RM500 bantuan kewangan BPN (daripada Kerajaan Persekutuan), malah kini saya dapat RM400 bantuan kewangan khas daripada Kerajaan Negeri pula,” jelasnya yang juga anggota Unit Nelayan Permatang Damar Laut.

“Namun, hasil tangkapan laut saya terjejas juga disebabkan ketika COVID-19, aktiviti tangkapan menggunakan pukat tunda dalam kawasan (perairan) 20 batu nautika.



AZRUL Mahathir Aziz (berbaju jingga) meneliti proses pembayaran sumbangan pada Majlis Pemberian Bantuan Kewangan Khas Nelayan Pesisiran Pantai Peringkat Bahagian Pulau di sini baru-baru ini.

BAHAR SIRAJ, 84, antara 376 nelayan pesisiran pantai berlesen bagi bahagian pulau yang disenaraikan layak menerima RM400 tunai insentif bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang pada majlis sumbangan yang berlangsung pada 21 Mei lalu.

Beliau yang sudah lebih 50 tahun mencari rezeki di laut memberitahu bahawa pandemik COVID-19 serta pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac 2020 lepas sedikit sebanyak telah menjelaskan pendapatan harian beliau.

“Kalau air besar, laut bergelora, memang tidak boleh turun ke laut.

“Selalunya, saya akan buat kerja-kerja lain sebab nelayan pantai ini pendapatannya adalah

secara harian, bukan macam kakitangan syarikat atau kerajaan, ada gaji tiap-tiap bulan.

“Apabila Kerajaan (Persekutuan) umum PKP, semua kena duduk rumah sahaja, kalau air pasang, saya juga tidak boleh buat kerja atas darat untuk cari duit.

“Sepatutnya, ada bantuan pada aspek kewangan, tapi saya pun tidak tahu sebab apa tidak dapat bantuan Kerajaan Persekutuan (di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin) baru-baru ini.

“Mujurlah pada musim raya (Aidilfitri) ini, dapat juga bantuan RM400 daripada Kerajaan Negeri,” jelasnya dalam nada gembira ketika ditemui dalam Majlis Penyampaian Bantuan Kewangan Khas Nelayan



BAHAR Siraj.

Pesisiran Pantai (Zon A) dekat Dewan Gerakan Masyarakat PERDA, Teluk Kumbar di sini pada 21 Mei 2020.

Bahar merupakan anggota Unit Nelayan Permatang Damar Laut.



ROSLI Yusoff.

kalau air besar macam dua tiga hari ini, saya tidak turun ke laut yang alun air bergelora sangat.

“Sebab itulah, kebiasaan semua nelayan (pesisiran) pantai memang ada kerja sampingan, macam saya ada kedai jual jaring.

“Tapi, sebelum PKPB (Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat) diumumkan, syarikat perniagaan pun (pada fasa-fasa awal PKP) memang tidak dibenarkan beroperasi.

“Jadi, saya hampir putus asa apabila permohonan BPN saya ditolak...mujurlah nak dekat raya (Aidilfitri) ini ada juga Kerajaan Negeri beri RM400 insentif

bantuan,” katanya yang juga anggota Unit Nelayan Permatang Tepi Laut.

Mangsa keganasan domestik, NGO hargai komitmen Kerajaan Negeri

Teks & Gambar : **SUNARTI YUSOFF**

KERAJAAN Negeri Pulau Pinang baru-baru ini mengumumkan Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.0 berjumlah RM76 juta bagi membantu golongan yang paling terkesan akibat pandemik COVID-19.

Jumlah tersebut termasuk peruntukan sebanyak RM100,000 kepada mana-mana pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berhasrat untuk membantu mangsa keganasan rumah tangga yang disalurkan melalui Pejabat Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam.

Exco berkaitan, Chong Eng sebelum ini dilaporkan berkata bahawa langkah tersebut adalah untuk menyokong inisiatif NGO yang telah memberikan kaunseling kepada mangsa-mangsa kes keganasan rumah tangga.

Menurutnya, Pertubuhan Pusat Wanita Untuk Perubahan (WCC) antara NGO yang layak menerima peruntukan tersebut bagi membantu Kerajaan Negeri menangani kes-kes keganasan domestik berkaitan.

Justeru, Buletin Mutiara berkesempatan menemubual Pengarhanya, **KAREN LAI YU LEE** untuk mengetahui bagaimana peruntukan tersebut dapat dimanfaatkan bagi membantu mangsa-mangsa kes keganasan domestik khususnya dalam tempoh Perintah kawalan Pergerakan (PKP) ataupun Perintah kawalan Pergerakan (PKPB).



KAREN Lai Yu Lee.

Yu Lee menyatakan bahawa komitmen Kerajaan Negeri menyalurkan peruntukan kepada NGO bagi menangani kes keganasan rumah tangga adalah amat wajar dipuji.

Menurut beliau, ia menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri amat memandang serius masalah keganasan rumah tangga dan berusaha untuk menghentikan kes-kes tersebut daripada terus meningkat.

“Kami mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang atas pelaksanaan inisiatif ini untuk membantu mangsa-mangsa terlibat.

“Komitmen oleh Kerajaan Negeri jelas selari dengan objektif kami untuk menghentikan keganasan rumah tangga.

“Peruntukan ini pasti akan membantu usaha-usaha mencegah kes-kes yang tidak sepatutnya berlaku,” ujarnya ketika ditemui baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Yu Lee berharap agar melalui inisiatif tersebut pihaknya dapat meningkatkan kesedaran masyarakat tentang keganasan domestik selain memberikan nasihat kepada mangsa.

“Bagi pihak WCC, saya berharap agar

Kerajaan Negeri dapat merangka inisiatif jangka panjang kerana ini adalah masalah yang telah lama berlarutan tanpa penyelesaian tuntas.

“Difahamkan, kes-kes keganasan rumah tangga dilaporkan meningkat sepanjang tempoh PKP bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia.

“Malah, bilangan panggilan dan aduan menerusi talian WCC selama empat minggu pertama PKP menunjukkan peningkatan yang amat ketara iaitu daripada 16 kes pada bulan Februari kepada 33 kes dari 18 Mac hingga 14 April lalu,” ulasnya.

Dalam pada itu, Pengasas yang juga Presiden Pertubuhan Kebajikan Sneham Malaysia (Sneham Centre), **DR. FLORENCE SINNIAH** menyifatkan insentif Kerajaan Negeri sebagai dorongan yang tepat bagi NGO-NGO yang menyalurkan bantuan kepada mangsa-mangsa keganasan rumah tangga.

“Ini memang langkah baik daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membantu NGO-NGO terlibat. Tahniah!



DR. Wah Joon Tong.



DR. Florence Sinniah (kanan sekali) bersama-sama Ketua Menteri dan Chong Eng pada majlis pelancaran kempen Penang Goes Orange yang antaranya memperjuangkan menghentikan keganasan rumah tangga pada tahun lalu.

Pulau Pinang merupakan negeri pertama dalam negara yang menyalurkan peruntukan sedemikian untuk membendung masalah keganasan rumah tangga.

“Dengan peruntukan ini, Sneham Center akan menyediakan tempat tinggal serta membantu mangsa untuk melalui rutin harian mereka,” katanya.

Turut berkongsi pendapat, Pengasas dan Presiden Home Dynamic, **DR. WAH JOON**


TONG yang menyatakan bahawa terdapat peningkatan panggilan antara 60 hingga 70 laporan berkaitan kes keganasan rumah tangga sepanjang PKP.

“Walaupun kes keganasan rumah tangga cenderung meningkat dalam tempoh ini tetapi usaha Kerajaan Negeri melalui insentif ini memberi sedikit kelegaan.

“Pusat kami juga akan memohon peruntukan ini,” jelasnya.

LINDUNGI DIRI, KELUARGA DAN KOMUNITI KITA

Amalkan 4P



Penjarakan sosial



Pakai pelitup muka ketika di luar



Pencucian tangan menggunakan sabun



Perhatikan gejala COVID-19



penanglawancovid19



t.me/penanglawancovid19



penanglawancovid19.com

KERAJAN Negeri Pulau Pinang pada 6 Mei lalu mengumumkan 20 insentif di bawah Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.0 yang berjumlah RM76 juta bagi memastikan kelangsungan hidup yang terjejas dek penularan wabak COVID-19.

Salah satu insentif tersebut adalah membabitkan bantuan RM300 secara *one-off* kepada ahli Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) yang terlibat secara langsung dalam membantu Kerajaan Negeri melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac lalu dan kini Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** bersama-sama jurufoto, **LAW SUUN TING** sempat menemu bual beberapa individu yang terlibat secara langsung di lapangan melalui panggilan telefon termasuk dua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang secara kebetulan singgah di pejabat Buletin Mutiara baru-baru ini.

Bagi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, **JOSEPH NG SOON SIANG**, pemberian bantuan tersebut merupakan suatu inisiatif murni Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menghargai khidmat bakti ahli-ahli MPKK dan JPWK yang terlibat secara langsung dalam pengurusan perintah kawalan pergerakan di kawasan masing-masing.

“Walaupun jumlahnya (bantuan RM300) tidak banyak tapi ingatan Kerajaan Negeri terhadap mereka boleh dirasai,” katanya ketika diminta mengulas berhubung isu berkaitan.

Menentu mengenai pengagihan, Soon Siang menyatakan bahawa beliau menyerahkan ‘mandat’ menyenaraikan nama ahli-ahli MPKK dan JPWK yang layak kepada pengurus sebelum diserahkan kepada beliau dan seterusnya kepada Pejabat Daerah dan Tanah yang akan menguruskan pengagihan.

“Sebagai wakil rakyat, saya cuba berlaku adil kerana terdapat dalam kalangan ahli MPKK dan JPWK yang tidak langsung terlibat di lapangan sepanjang tempoh PKP dan PKPB ini.

“Ada pula yang sejak mula-mula lagi telah membanting tulang membantu daripada segi pelaksanaan penjarakan sosial dan agihan makanan.

“Maka, mengenai pengagihan, saya serahkan ‘mandat’ tersebut kepada Pengurus MPKK dan JPWK berkaitan sebelum menyerahkannya kepada saya,” katanya sambil menzahirkan penghargaan kepada setiap ahli MPKK dan JPWK di kawasan Air Itam.

ADUN Sungai Pinang, **LIM SIEW KHIM** turut berkongsi noda sama apabila menganggap barisan ahli-ahli MPKK dan JPWK di kawasannya sebagai ‘hero’.

“Apabila wabak COVID-19 ini

mula merebak, ramai yang bimbang dan takut untuk keluar, tetapi ahli-ahli MPKK dan JPWK memberanikan diri untuk turun padang membantu rakyat di peringkat akar umbi.

“Saya percaya dengan pemberian bantuan ini, mereka akan rasa usaha mereka diiktiraf oleh Kerajaan Negeri.

“(Dan) di Sungai Pinang, saya ‘salute’ (tabik) kepada ahli-ahli MPKK di tujuh kawasan yang bertungkus-lumus membantu walaupun semasa cuti hujung minggu dan cuti umum.

“Saya sangat berbangga dengan semangat yang ditonjolkan, jadi sebagai menghargai sumbangan mereka, saya juga ada membeli vitamin tambahan atau pek makanan untuk mereka,” kongsinya yang turut teruja dengan kerja berpasukan antara ahli-ahli MPKK dan JPWK di Sungai Pinang.

Malah, beliau turut berkongsi cerita apabila beliau mengambil



JOSEPH Ng Soon Siang (kiri) bersama-sama Lim Siew Khim ketika ditemu bual oleh Buletin Mutiara baru-baru ini.

Pakej 2.0: MPKK dan JPWK zahir penghargaan

inisiatif mendapatkan preskripsi farmasi dengan menyediakan vitamin tambahan kepada ahli-ahli MPKK dan JPWK yang bertugas bagi meningkatkan daya tahan tubuh ketika bertugas.



NORYINE Abdul Majid.

Dalam pada itu, Buletin Mutiara sempat menemu bual Pengurus JPWK Bayan Lepas, **NORYINE ABDUL MAJID**, 64, melalui panggilan telefon.

“Alhamdulillah, sebagai salah seorang ahli jawatankuasa JPWK, saya percaya bantuan RM300 yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri memadai dan sangat tepat pada waktunya.

“Hal ini kerana, apabila kita berada di lapangan, kita lihat ramai lagi (penduduk) yang masih memerlukan bantuan, dan pemberian Kerajaan Negeri ini (kepada MPKK dan JPWK) sangat dihargai,” katanya yang turut terlibat dengan aktiviti ziarah dan pengagihan bahan makanan di kawasan Bayan Lepas.

“Apabila wabak COVID-19 ini



RIZAWATI Ahmad.

Bagi **RIZAWATI AHMAD**, 43, tugas sebagai Setiausaha JPWK bagi kawasan Bayan Lepas sedikit-sebanyak memberi cabaran buat dirinya.

“Sepanjang PKP yang lalu sampai ke hari ini, kami sering bergerak membantu asnaf serta fakir miskin yang terputus bekalan makanan.

“Walaupun hanya enam orang sahaja terlibat dalam kerja-kerja membungkus dan agihan makanan, kami bersyukur kerana dapat membantu mereka yang yang memerlukan.

“Jadi, apabila ada inisiatif seperti ini, kami rasa sangat dihargai,” ceritanya yang berkongsi penugasan di lapangan yang diagihkan secara giliran saban hari bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan di lapangan.

Begitu juga bagi Pengurus MPKK Titi Teras, **MUHAMMAD HAFIZIE MOHD. TUAH**, 28,



MUHAMMAD Hafzie Mohd. Tuan.

yang turut menghargai inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang itu.

“Terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana menghargai tugas kami di lapangan yang boleh dianggap sebagai salah satu cabang petugas barisan hadapan.

“Bagi kawasan Titi Teras (Pulau Betong), ahli-ahli MPKK dan JPWK kami sangat aktif yang mana kami bukan sahaja terlibat dalam pencegahan wabak COVID-19 di pasar-pasar awam tetapi juga turut turun padang ketika bencana banjir baru-baru ini.

“Jadi apabila ada inisiatif seperti ini, kami rasa sangat dihargai,” ceritanya yang berkongsi penugasan di lapangan yang diagihkan secara giliran saban hari bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan di lapangan.

Turut memuji inisiatif Kerajaan Negeri tersebut ialah Pengurus MPKK Bukit Gelugor, **MOHD. HAFIZ ABD. AZIZ**, 58.

“Kerajaan Negeri Pulau Pinang



MOHD. Hafiz Abd. Aziz.

adalah yang terbaik kerana menghargai khidmat bakti serta usaha ahli-ahli MPKK yang sanggup mengambil risiko berdepan dengan wabak COVID-19.

“Bagi kawasan Bukit Gelugor, ahli-ahli MPKK kebanyakannya terlibat dengan penugasan di pasar awam serta pengagihan bantuan makanan kepada yang memerlukan.

“Alhamdulillah, bagi kawasan kami, bukan sahaja YB Syerleena (ADUN Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid) yang sering memberi sumbangan malah juga YB Ramkarpal (Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh) dan badan-badan bukan kerajaan tempatan turut aktif menghulurkan bantuan,” katanya yang mengagumi semangat bantu-membantu yang tinggi dalam kalangan komuniti setempat.

Difahamkan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperuntukkan sejumlah RM1.3 juta sebagai tanda penghargaan kepada golongan berkenaan.

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
N.26 PADANG KOTA YAB Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
N.03 PINANG TUNGGAL YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman	(T) 04 - 575 6526 (F) 04 - 575 6526
N.16 PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 383 9131 (F) 04 - 383 9131
N.07 SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my ; pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
N.12 PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin norlela_ariffin@gmail.com	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
N.15 PADANG LALANG YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my	(T) 04 - 530 3028 (F) 04 - 530 3028
N.29 DATO' KERAMAT YB Jagadeep Singh Deo jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
N.37 BATU MAUNG YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain pusatkhdmatn37@gmail.com	(T) 04 - 626 1442 (F) 04 - 626 1442
N.08 BAGAN JERMAL YB Soon Lip Chee	(T) 04 - 331 0163
N.22 TANJONG BUNGA YB Zairil Khir Johari	(T) 04 - 890 3866
N.34 PAYA TERUBONG YB Yeoh Soon Hin	(T) 04 - 827 8868 (F) 04 - 827 8868
N.28 KOMTAR YB Teh Lai Heng komtar@dappg.org	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
N.02 BERTAM YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq	(T) 013 - 430 6400 (P) 04 - 576 7606
N.06 TELOK AYER TAWAR YB Mustafa Kamal mustafakamal.mkba@gmail.com	(T) 04 - 351 1732
N.09 BAGAN DALAM YB Satees A/L Muniandy n9.bagandalam@gmail.com	(T) 04 - 313 3990
N.10 SEBERANG JAYA YB Dr. Aff Bahardin	(T) 04 - 390 5109 (F) 04 - 390 5109
N.11 PERMATANG PASIR YB Muhammad Faiz Bin Fadzil faizfadzilamanah@gmail.com	(T) 04 - 521 1106
N.13 BERAPIT YB Heng Lee Lee berapit@dappg.org	(T) 017 - 8133 509 (F) 04 - 540 0006
N.14 MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon kllee78@gmail.com	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
N.17 BUKIT TENGAH YB Gooi Hsiao-Leung goohsiaoleung@penang.gov.my	(T) 04 - 507 5001 (F) 04 - 507 5001
N.18 BUKIT TAMBUN YB Goh Choon Aik	(T) 04 - 502 5818 (F) 04 - 506 2138
N.19 JAWI YB H'ng Mooi Lye jawi@dappg.org	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
N.20 SUNGAI BAKAP YB Dr. Amar Pritpal Abdullah ybadunsungaibakapn20@gmail.com	(T)
N.21 SUNGAI ACHEH YB Zulkifli Ibrahim n21adunsgacheh@gmail.com	(T)
N.23 AIR PUTIH YB Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
N.24 KEBUN BUNGA YB Jason Ong Khan Lee kebunbunga24@gmail.com	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
N.25 PULAU TIKUS YB Lee Chun Kit pulautikus@dappg.org	(T) 04 - 228 5298 (F) 04 - 229 4294
N.27 PENGKALAN KOTA YB Gooi Zi Sen pengkalankota@dappg.org	(T) 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
N.30 SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim lmsiewkhim@penang.gov.my	(T) 04 - 657 6630 (F) 04 - 658 6630
N.31 BATU LANCANG YB Ong Ah Teong batulancang@dappg.org	(T) 04 - 280 4411 (F) 04 - 280 4422
N.32 SERI DELIMA YB Syerleena Abdul Rashid 32seridelima@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 5611

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
N.33 AIR ITAM YB Joseph Ng Soon Siang airitam@dappg.org	(T) 04 - 829 9143
N.35 BATU UBAN YB Kumaresan A/L Aramugam kumar.harapan35@gmail.com	(T) 04 - 668 1062 (F) 04 - 668 1062
N.36 PANTAI JEREJAK YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail	(T)
N.38 BAYAN LEPAS YB Azril Mahathir Aziz ambasegaria.aam@gmail.com	(T) 04 - 649 3976 (F) 04 - 649 3976
N.39 PULAU BETONG YB Haji Mohd. Tuah Ismail	(T) 04 - 866 0214
N.40 TELUK BAHANG YB Zolkifly Md. Lazim	(T)
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115
-	(T)

Nama ADUN PEMBANGKANG	No Tel/ No Faks
N.01 PENAGA YB Ustaz Yusni Mat Piah	(T)
N.04 PERMATANG BERANGAN YB Nor Hafizah Othman	(T)
N.05 SUNGAI DUA YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T)
PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
N.01 PENAGA Md. Khalil Salleh novafast63@gmail.com	(T) 012 - 598 4881
N.04 PERMATANG BERANGAN Azmi bin Alang annzaley15@gmail.com	(T) 017 - 585 5457 019 - 444 6600
N.05 SUNGAI DUA Mohd. Taupek bin Abd. Rahman hajifek@gmail.com	(T) 019 - 415 3850

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT	999	JPJ	04-656 4131
DIREKTORI TELEFON OPERATOR ANTARABANGSA	103	JABATAN PENDAFTARAN	04-398 8809
HOTLINE MBPP	101		04-226 5161
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM	04-263 7637	PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)	04-263 1166
BIRO PENGADUAN AWAM	04-228 9012	TOURISM MALAYSIA	04-261 0058
SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI	04-262 1957	KERETAPI BUKIT BENDERA FERI (GEORGETOWN)	04-828 8880
KASTAM	04-262 2300	(BUTTERWORTH)	04-210 2363
IMIGRESEN	04-250 3419	JAMBATAN PP	04-398 7419
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342	STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340	PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK	04-829 4046
EPF	04-226 1000	CAP	04-829 9511
SOCSCO	04-238 9888	BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161
		PERPUSTAKAAN PP	04-281 1108
			04-229 8555

Kalendar Pelancongan



SALURAN RASMI UNTUK INFO TERKINI KEMEN PENANG LAWAN COVID-19



Saluran Rasmi Kempen Penang Lawan Covid-19

Dana TPM80PP, ganti tangki Villa Mas Ewani

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI

Gambar : CHAN KOK KUAN

SUNGAI PINANG – Penduduk di pangaspuri kos rendah, Villa Mas Ewani menarik nafas lega apabila permohonan dana bagi penggantian tangki air utama diluluskan oleh Kerajaan Negeri di bawah Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP).

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa kos keseluruhan penggantian tangki air tersebut adalah berharga RM67,800.

“Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menanggung 80 peratus daripada kos keseluruhan projek iaitu RM54,240, manakala baki 20 peratus lagi ditanggung oleh penduduk di sini.

“Kelulusan dana ini adalah ‘hadiah’ Hari Raya kepada penduduk, dan projek penggantian tangki air di sini merupakan projek penyelenggaraan pertama selepas pandemik COVID-19 melanda negara,” ujarnya ketika ditemui media sejurus penyerahan surat kelulusan dana kepada Pengerusi Badan Pengurusan Bersama Villa Mas Ewani, Mas Nilai Masriah Abdullah dekat sini pada 22 Mei lalu.

Hadir sama, Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim; Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya



JAGDEEP Singh Deo (dua dari kiri) bersama-sama Lim Siew Khim (kanan sekali) dan R.S.N. Rayer (kiri sekali) menyerahkan surat kelulusan dana TPM80PP kepada Mas Nilai Masriah Abdullah pada majlis yang diadakan di sini baru-baru ini.

Pulau Pinang (MBPP), Nicholas Theng; Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Perumahan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, ‘Ainul Fadhilah Samsudi dan Penolong Setiausaha Kanan (Seksyen Pengurusan Perumahan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Mohd. Fauzy Mohd. Yusoff.

Menurut Jagdeep, kerja-kerja penggantian dijangka mengambil masa

selama dua bulan bermula 3 Jun 2020.

“Penting untuk kita (Kerajaan Negeri) memastikan bahawa kerja-kerja pemberian serta penyelenggaraan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah dapat diteruskan.

“Kita (Kerajaan Negeri) mengatur semula keutamaan serta strategi dalam memastikan norma-norma baharu dipraktikkan, malah kita (Kerajaan Negeri) juga akan membantu memastikan projek-

projek ini dapat dilaksanakan secepat mungkin bagi memulihkan semula ekonomi,” katanya.

Sebagai rekod, Jagdeep memberitahu bahawa Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM35.3 juta dana di bawah TPM80PP membabitkan 240 permohonan dan 393 projek penyelenggaraan.

“Sebanyak 87 permohonan untuk TPM80PP masih dalam proses penilaian dan persetujuan teknikal.

“Kos keseluruhan bagi 87 permohonan projek itu adalah sebanyak RM16.26 juta,” jelasnya.

Dalam pada itu, Mas Nilai ketika ditemui menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri kerana meluluskan permohonan penggantian tangki air di Villa Mas Ewani.

“Ucapan terima kasih juga kepada ADUN Sungai Pinang kerana menghulurkan dana sebanyak RM5,000 bagi membantu kerja-kerja penggantian tangki air di sini.

“Sebelum ini, kami terpaksa membayar tambahan RM1,000 untuk bil air kerana tangki air utama bocor. Lagipun tangki air tersebut telah berusia 18 tahun.

“Tahun lalu, Kerajaan Negeri juga telah meluluskan dana bagi menggantikan dua lif di sini, dan kami amat berterima kasih atas tindakan dan perhatian yang diberikan selama ini,” zahirnya.

Pangsapuri setinggi 15 tingkat itu mempunyai 86 unit kediaman dan terletak di Jalan Bukit Dumbar.

URBAN
SUITES

Diskaun 5%
untuk
Bumiputera


HAK MILIK
KEKAL

RUANG PEJABAT / LOT PEJABAT

Keluasan Binaan : 630 k.p - 836 k.p

Harga : RM285,000 (min) - RM465,000 (mak)

- LOKASI STRATEGIK BERHAMPIRAN JALAN LIM CHONG EU & JALAN JELUTONG
- PELBAGAI LALUAN AKSES & KEMUDAHAN YANG BERHAMPIRAN DENGAN BALAI POLIS, BANK, HOSPITAL, SEKOLAH, PASARAYA DAN MEDAN SELERA.
- PEMBANGUNAN IKONIK & MERCUTANDA BARU DI PULAU PINANG.



ASPEN VINTAGE SDN BHD (1004871-T)

No 64, Jalan Chow Thye, 10050 Georgetown, Penang.
+604 228 1007 / 011 1312 4847
sales3@cosmo-homes.com | www.cosmo-homes.com

Nama projek: Urban Suites@Jelutong · Tarikh dijangka siap: 2021

· Jenis perumahan: Pejabat 42 Tingkat · Pihak berkuasa yang meluluskan: MBPP

· No. pelan bangunan: 14/2/17-13/2/2018 · Jumlah unit: 600 unit

· Harga jualan: RM285,000 (min) - RM465,000 (max) · Hak Milik Tanah: Hak Milik Kekal

Kuih raya penghargaan buat klinik kesihatan

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : J. PATMAVATHY

BATU UBAN – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, A. Kumaresan mengagihkan kira-kira 125 balang kuih raya kepada dua agensi kesihatan di Kawasan Dewan Undangan Negerinya (KADUN) baru-baru ini.

Dua agensi kesihatan terbabit ialah Klinik Kesihatan Sungai Dua dan Klinik Kesihatan Bukit Jambul.

Kumaresan menyatakan bahawa sumbangan tersebut adalah sebagai menghargai jasa, komitmen dan pengorbanan kakitangan kesihatan barisan hadapan dalam memerangi wabak COVID-19.

"Inisiatif ini adalah untuk menghargai usaha barisan hadapan yang terdiri daripada doktor dan jururawat... golongan berkaitan adalah berhak terhadap penghormatan ini kerana tanpa kenal erti penat lelah, mereka bertungkus-lumus menjaga keselamatan serta kesihatan masyarakat setempat khasnya," ujarnya yang turut ditemani Ketua Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) kawasan berkenaan, Lee Kah Ling pada lawatan tersebut di sini 21 Mei lalu.

Sejumlah 78 balang kuih raya diagih kepada Klinik Kesihatan Sungai Dua manakala Klinik Kesihatan Bukit Jambul (47).

Dalam pada itu, Ketua Panel Kesihatan Klinik Kesihatan Sungai Dua, Mohamed Ibrahim Mohamed Shariff memuji sikap Kumaresan yang sentiasa menjalankan hubungan baik dengan klinik berkenaan khususnya ketika situasi genting memerangi wabak COVID-19.

"Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada YB Kumaresan kerana telah membantu klinik ini dengan cara yang terbaik, seperti memasang kanopi di luar klinik serta menghantar makanan kepada barisan hadapan," ulas beliau ketika ditemui wakil Buletin Mutiara.



A. Kumaresan (dua dari kanan) dan Lee Kah Ling (kanan sekali) menyampaikan sumbangan kepada wakil-wakil terlibat pada majlis sumbangan kuih raya kepada petugas barisan hadapan dekat Klinik Kesihatan Sungai Dua di sini baru-baru ini.



LOT KOMERSIAL

@ BATU KAWAN, PULAU PINANG

- AKSES MUDAH •
- KEDUDUKAN STRATEGIK •

Unit bumiputra kini dibuka untuk jualan dengan

5%
BUMIPUTERA
REBAT

+

KEMPEN

#SENANGjer

KUNJUNGI SEKARANG, MASA TERHAD!



Sumbangan demi hargai barisan hadapan KADUN Kebun Bunga

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

KEBUN BUNGA – Sebagai penghargaan kepada barisan hadapan yang bertugas di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Kebun Bunga, sebanyak 120 balang kuih raya diedarkan kepada golongan berkaitan menjelang Aidilfitri baru-baru ini.

"Inisiatif ini adalah sebagai salah satu penghargaan kepada barisan hadapan seperti kakitangan kesihatan, keselamatan, kakitangan Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan semua yang bertungkus-lumus bertugas dari mula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hingga Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

“Penyediaan kuih raya ini merupakan satu usaha yang baik daripada Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) Kebun Bunga... saya sendiri saksikan kegigihan mereka menyiapkan aneka kuih raya untuk diserahkan kepada barisan-barisan hadapan yang amat berdedikasi menjalankan

tugas yang diamanahkan," ujar Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Jason Ong Khan Lee yang menyempurnakan majlis sumbangan berkaitan dekat Dewan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Padang Tembak di sini 22 Mei lalu.

Hadir sama, Pengerusi JPWK Padang Tembak Pang Yuen Khim serta wakil-wakil petugas barisan hadapan.

Dalam perkembangan lain, Khan Lee turut melancarkan penggunaan '*copper plastic cover*' di Taman Bukit Erskine sebagai salah satu inisiatif mengekang penularan bakteria menerusi kemudahan awam.

"Kita akan letakkan di butang-butang lif, malah saya sendiri gunakannya untuk membalut pemegang pintu di pejabat saya," jelasnya.

JASON Ong Khan Lee (tiga dari kanan) menyampaikan sumbangan kuih raya kepada salah seorang petugas kesihatan pada majlis yang diadakan di sini baru-baru ini.



Kuih raya sebagai penghargaan, jana pendapatan tambahan

SERI DELIMA – Sejumlah 60 bungkus kuih raya disumbangkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid kepada kakitangan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran (JPP) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menjelang lebaran baru-baru ini.

Menurut beliau, sumbangan tersebut adalah sebagai tanda penghargaan kepada kakitangan berkenaan yang bertungku-lumus saban hari membersihkan persekitaran Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) berkenaan.

“Selain membersihkan persekitaran Seri



The collage consists of several promotional banners for residential properties:

- Tijau** (BANDAR CASSIA, BATU KAWAN): Features a logo with a tree and the text "Perumahan Mampu Milik Beraneka". It includes a "50" anniversary logo and contact information: 04-613 9999, 04-505 0001, enquiry@pdc.gov.my, www.pmm.gov.my, and PDC-Perumahan Mampu Milik.
- Suria** (Fasa 1): Shows a modern apartment complex with "CCC" branding. It features two circular badges: one for "74% SKOR CLASSIC" and another for "CCC DIPEROLEH".
- dua RESIDENSI TELUK KUMBAR**: A large residential tower with a blue and white color scheme.
- JIRAN RESIDENSI KAMPUNG JAWA BUTTERWORTH**: A tall residential tower with a green and white color scheme.
- KINI ANDA MAMPU**: A yellow speech bubble containing the slogan.
- HARGA JUALAN :** Labels indicating selling prices for different units.
- 1000kp** **pasaran terbuka** **RM220,000** **RM242,000**
- 850kp** **pasaran terbuka** **RM250,000** **RM275,000**
- 1000kp** **pasaran terbuka** **RM300,000** **RM330,000**
- 850kp** **pasaran terbuka** **RM200,000** **RM220,000**
- 1000kp** **pasaran terbuka** **RM250,000** **RM275,000**

SYERLEENA Abdul Rashid (depan sekali) merakam gambar kenangan bersama-sama sebahagian ahli jawatankuasa serta kakitangan JPP sejurus majlis penyampaian sumbangan kuih raya di sini baru-baru ini.

Delima, barisan hadapan ini juga turut sama bersiap-siaga memerangi wabak COVID-19 di sini.

"Ia juga adalah projek serampang dua mata, selain membantu persediaan lebaran kakitangan JPP, pada masa sama, kita juga dapat menolong 'homemaker' di Seri Delima untuk menambah pendapatan sampingan terutamanya menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri," ujarnya pada majlis penyerahan sumbangan berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi MBPP, Tan Soo Siang dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) Seri Delima, Kristina Wong.

Selain anggota JPP, difahamkan Syerleena turut mengedarkan beberapa cenderamata kepada Pejabat Pua Sungai Celugor.

COVID-19, pembesaran PIA mungkin ditangguh sementara

Oleh : SUNARTI YUSOFF


Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

BAYAN LEPAS - Projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) dekat Bayan Lepas yang sepatutnya dimulakan pada Jun 2020 mungkin ditangguh sementara akibat penularan pandemik COVID-19.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) sedang menunggu arahan selanjutnya daripada pihak atasan untuk menentukan sama ada projek menaik taraf PIA perlu diteruskan atau sebaliknya.

"Walaupun projek menaik taraf

SUASANA di balai menunggu.



PIA telah mendapat kebenaran merancang dan kelulusan pelan bangunan daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), tetapi kini bukan masa yang sesuai untuk memulakan projek ini.

"Ini kerana jika keadaan kini (penularan COVID-19) masih berlarutan, lapangan terbang (PIA) ini tidak akan berfungsi dengan sepenuhnya.

"Justeru, pihak pengurusan perlu membuat pertimbangan sama ada pembesaran PIA akan membawa manfaat atau sebaliknya, dan saya dimaklumkan bahawa keputusan jelas mengenai perkara ini mungkin ditentukan dalam tempoh antara enam bulan hingga setahun dari sekarang," katanya kepada Buletin

Mutiara selepas melakukan tinjauan prosedur operasi standard (SOP) yang dilaksanakan dekat PIA di sini 28 Mei lalu.

Turut serta, Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan, Yeoh Soon Hin; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz; Ahli Parlimen Balik Pulau, Muhammad Bakhtiar Wan Chik dan Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang.

Terdahulu, ketibaan Kon Yeow disambut oleh Pengurus Kanan MAHB, Mohd. Nadzim Hashim; Pegawai Kesihatan Pejabat Kesihatan Pintu Masuk Antarabangsa Pulau Pinang, Dr. Izani Uzair Zubair serta Pengurus Perhubungan Kerajaan (Wilayah Utara) Air Asia Berhad, Kenneth Tan.

Beliau kemudiannya diberikan taklimat kira-kira 20 minit mengenai langkah-langkah keselamatan yang dilaksanakan di PIA termasuk semasa penerbangan bagi mengekang perebakkan COVID-19 sebelum dibawa meninjau keadaan keadaan pesawat, pusat kuarantin dan bilik isolasi serta balai ketibaan.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa penularan COVID-19 telah membantunkan pencapaian khususnya daripada segi



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri diberi taklimat oleh Mohd. Nadzim Hashim (barisan depan, dua dari kiri) bersempena lawatan ke PIA di sini baru-baru ini.

sasaran jumlah penumpang di PIA yang dianggarkan kira-kira 8.5 juta pada tahun ini.

"Sektor penerbangan merupakan antara yang paling terkesan akibat pandemik COVID-19 dan kegiatan pelancongan, peruncitan serta sebagainya turut terjejas akibat sekatan penerbangan yang dikenakan bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh dunia.

"Oleh itu, saya menyeru kepada semua pihak untuk bertahan dan menunjukkan semangat yang tinggi bagi menangani cabaran ini bersama-sama.

"Saya ucapkan terima kasih kepada pihak MAHB, Jabatan Kesihatan (Negeri Pulau Pinang),

lain-lain agensi penguatkuasaan serta syarikat penerbangan dan juga peniaga di lapangan terbang di atas segala usaha untuk menjamin keselamatan pengguna," ujarnya.

Dalam pada itu, Soon Hin berkata bahawa Kerajaan Negeri masih berhubung dan berbincang dengan beberapa syarikat penerbangan untuk menambah penerbangan terus baharu ke negeri ini.

"Kerajaan Negeri akan teruskan usaha membawa masuk penerbangan terus baharu selepas keadaan kembali stabil nanti. Usaha ini tidak akan terhenti sini sahaja, ini termasuk sembilan penerbangan baharu yang dijadualkan bagi tahun 2020/2021," ulasnya.

UTC George Town @ Komtar dijangka buka Julai/Ogos

GEORGE TOWN - Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia (Imigresen) Pulau Pinang dekat Lebuh Pantai akan memindahkan operasi perkhidmatan sepenuhnya ke Pusat Transformasi Bandar (UTC) George Town yang dijangka dibuka pada bulan Julai atau Ogos ini.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa beberapa agensi lain seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Klinik Kesihatan-Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Negeri (PTPTN), Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKKM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut akan beroperasi di pusat perkhidmatan awam bersepadu Persekutuan tersebut dekat Komtar kelak.

"Kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang) amat berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana memilih Komtar dan PDC (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang) sebagai rakan pelaksana projek UTC

George Town, Pulau Pinang," katanya selepas mengadakan lawatan ke tapak pemajuan projek tersebut di sini pada 29 Mei 2020.

Turut serta, Exco Pelancongan, Warisan, Budaya dan Seni, Yeoh Soon Hin; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng yang juga Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri dan Pengurus Besar PDC, Dato' Mohd. Bazid Abd. Kahar.

Kon Yeow memberitahu bahawa pihaknya berharap pembukaan UTC George Town bukan sahaja akan menyemarak lagi aktiviti perniagaan di lot-lot komersial dekat Komtar, bahkan turut membawa limpahan ekonomi kepada kompleks yang menjadi mercu tanda kemajuan negeri ini.

"Kita harap (pembukaan UTC



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri diberi taklimat berhubung kemajuan projek UTC George Town pada sesi lawatan khas di sini baru-baru ini.

George Town) ini akan menjadi pemangkin kepada ruang-ruang komersial di tingkat 2 serta 3 yang secara tidak langsung Komtar akan kembali dikunjungi orang ramai termasuk mereka yang datang ke pejabat-pejabat (UTC George Town) kelak.

"Diharapkan UTC George Town akan membawa ramai pengunjung ke sini yang pada masa sama mewujudkan impak diharapkan iaitu menghidupkan semula ruang komersial khusus di kawasan



PAPAN tanda yang telah siap dipasang.

ini (tingkat 2 dan 3) serta juga keseluruhan kawasan Komtar juar. "Kita menunggu proses permohonan pasport dan kad pengenalan pertama dikeluarkan dari sini (UTC George Town) menjelang bulan Julai atau Ogos nanti," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi.

Difahamkan projek Persekutuan bernilai RM10.38 juta tersebut sepatutnya siap pada 2 Mac lepas, tetapi dilanjutkan tempoh sehingga 25 Jun dengan mengambil kira

pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga kini.

Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi (MED), Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Jobs Malaysia merupakan antara 13 agensi Persekutuan yang akan membuka operasi perkhidmatan awam di UTC George Town.

Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjung menyatakan bahawa tahap kemajuan kerja sehingga 28 Mei 2020 adalah 96.84 peratus siap.